

17 JUN 1998

SEMUA STESEN TV PERLU BUAT LIPUTAN LANGSUNG UCAPAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Semua stesen televisyen dan radio diminta membuat liputan langsung ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian perhimpunan agung parti itu di sini Jumaat ini.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata ini bagi membolehkan rakyat mendengar secara langsung amanat Perdana Menteri yang akan menyediakan "jawapan-jawapan" kepada beberapa isu yang akan dibangkitkan nanti.

"Saya memohon kerjasama stesen tv dan radio swasta di negara ini agar dapat membuat liputan langsung ucapan Dr Mahathir kerana saya rasa ia akan menyediakan jawapan yang tepat kepada beberapa isu yang dibangkitkan atau dibincangkan nanti.

"Kita tidak mahu ada isu baru di Malaysia kerana isu paling besar sekarang ialah kegawatan ekonomi dan setiap seorang sepatutnya memberi tumpuan dan menyokong tindakan kerajaan menangani masalah itu," katanya pada persidangan berita di Angkasapuri di sini.

"Jangan dalam sibuk nak menghadapi isu besar, ada isu lain yang boleh melemahkan kita," katanya dan menegaskan "isu-isu baru yang dimaksudkan itu ialah seperti reformasi yang tiba-tiba muncul secara mendadak."

Mohamed berkata Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan membuat liputan langsung ucapan Presiden Umno itu dan diharapkan stesen penyiaran swasta lain akan ikut serta.

-- BERNAMA

ARA RON